

06/11/2001

Syor FTA Asean-China disokong

ASEAN menyokong cadangan mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) Asean-China, tetapi butiran mengenainya perlu diperincikan terlebih dahulu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perincian itu penting kerana walaupun ia mempunyai perjanjian, kadangkala pelaksanaannya hanya memanfaatkan satu pihak.

"Kita nak pastikan kedua-dua pihak mendapat manfaat daripada FTA ini," katanya, sambil mengakui China bukan saja satu pasaran yang luas, tetapi pengeluar pelbagai produk pembuatan yang akan membawa kepada persaingan produk dari Asean.

Bercakap kepada pemberita pada akhir Sidang Kemuncak Asean ke-7 dan Asean Campur 3 (Asean+3) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) di sini, petang ini, beliau berkata, adalah penting dipastikan kemasukan produk China itu kelak tidak mengakibatkan industri tempatan terpaksa ditutup.

Jika cadangan mewujudkan FTA Asean-China itu menjadi kenyataan, ia akan menjadikan Asia sebagai ekonomi terbesar membabitkan hampir 2 bilion penduduk iaitu 1.2 bilion di China dan 500 juta penduduk 10 negara anggota Asean.

Asean sebelum ini sudah meneliti laporan Kumpulan Pakar Asean-China pada mesyuarat ke-33 Menteri-Menteri Ekonomi Asean di Hanoi, September lalu.

Dalam pada itu, Dr Mahathir berkata, bagi memperkukuhkan kerjasama pelbagai bidang termasuk ekonomi dan perdagangan, sebuah Sekretariat Asean+3 akan diwujudkan.

Walaupun masih terlalu awal untuk melaksanakan perakuan supaya dibentuk sebuah Komuniti Asia Tenggara, namun kata beliau, penubuhan sekretariat berkenaan perlu disegerakan.

Katanya, Sekretariat Asean+3 itu akan membolehkan semua 13 negara bekerjasama dengan lebih rapat dan mengenal pasti bidang-bidang yang boleh dibuat pendirian bersama.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata, Asean tidak boleh terus bergantung kepada ekonomi dunia dan pelaburan langsung asing (FDI), sebaliknya perlu meningkatkan kerjasama pelaburan dan dagangan sesama negara serantau.

Katanya, Asean menyedari hakikat bahawa pergantungan terus dengan penggerak ekonomi dunia, khususnya Amerika Syarikat, bukan sesuatu yang baik bagi jangka panjang.

Ini, katanya, disebabkan apabila berlaku kemelesetan di Amerika, semua negara anggota Asean akan terjejas.

"Kita memikirkan pentingnya kita mempelbagai kerjasama dan antara yang perlu diberi perhatian ialah kerjasama perdagangan sesama negara Asean dan ini kita persetujui bersama," katanya.

Mengenai rundingan pusingan baru Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Dr Mahathir berkata, Malaysia tetap dengan pendirian mahu diadakan agenda terlebih dahulu sebelum ia boleh diadakan.

Katanya, agenda perlu ditentukan dengan jelas kerana ada kecenderungan untuk mencampuradukkan perbincangan soal perdagangan dengan isu seperti soal hak asasi manusia.

(END)